



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

No. Ruj. Kami : PBBPP.UKK.100-2/1/1(7)

Tarikh : 5 Julai 2019

KENYATAAN MEDIA

LATIHAN SIMULASI BENCANA (KATEGORI TAHAP SATU) DI BUKIT BENDERA

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) bersama dengan agensi-agensi dari pelbagai pihak telah menjalankan latihan simulasi bencana (kategori tahap satu) di bukit bendera pada 5 Julai 2019 di Bukit Bendera.

Latihan simulasi bencana ini berlaku pada 5 Julai 2019, jam 8.00pagi hingga jam 12.00 tengahari dan melibatkan 15 agensi yang merangkumi 25 pasukan daripada pelbagai pihak, terdiri daripada Pejabat Daerah Dan Tanah Timur Laut, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Pulau Pinang, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang, Bomba Sukarela Bukit Bendera, St. John Ambulans Malaysia Pulau Pinang, Unit Polis Simpanan Persekutuan (FRU) Pulau Pinang, Pelatih Kolej Kejururawatan Pulau Pinang, Markas 2 Divisyen Infantri Malaysia Pulau Pinang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang, Tentera Udara Diraja Malaysia Pulau Pinang, Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Pulau Pinang, Pejabat Keselamatan Kerajaan Malaysia Pulau Pinang, *Emergency Response Team* PBBPP dan Kakitangan PBBPP serta Persatuan Penduduk Bukit Bendera. Jumlah keseluruhan dianggarkan kira-kira 400 orang anggota daripada pelbagai agensi yang disebut di atas.

Tujuan PBBPP menjalankan latihan simulasi bencana ini kerana Bukit Bendera adalah satu kawasan pelancongan yang terutama di Pulau Pinang, namun akses laluan ke kawasan atas Bukit Bendera amatlah terhad. Oleh yang demikian latihan ini dirancang untuk meningkatkan tahap kesiapsagaan serta tindakan yang tepat jika berlaku bencana pada bila-bila masa.

Latihan ini adalah dikategorikan sebagai bencana tahap satu (1) yang mana melibatkan aset utama PBBPP serta aset utama agensi bantuan luar, seperti helikopter, ambulans serta alatan kecemasan yang ada pada setiap pasukan.

Selain daripada itu, latihan ini juga memberi pendedahan dan penilaian terhadap keberkesanan ahli-ahli PBBPP dalam menghadapi situasi kecemasan diperingkat awal dan kerjasama dengan agensi-agensi bantuan luar. Latihan ini juga menguji aspek pentadbiran serta tahap perhubungan komunikasi semasa kecemasan dengan lebih terancang dan teratur mengikut prosedur yang betul.

Pihak PBBPP ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kerjasama daripada semua pihak yang terlibat menjalankan latihan simulasi bencana ini.

#TAMAT#



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

Mengenai Perbadanan Bukit Bendera

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, memulihara dan membangunkan Bukit Bendera sebagai destinasi eko-pelancongan utama dan visinya adalah menjadikan Bukit Bendera sebagai destinasi bukit peranginan terunggul di Malaysia dan di rantau ini.

Unit Komunikasi Korporat

Chris Koay
Perbadanan Bukit Bendera
Tel : 04 – 828 8880
shkoay@penanghill.gov.my

Lee Shew Yean
Perbadanan Bukit Bendera
Tel : 04 – 828 8880
sylee@penanghill.gov.my

Izatul Aziah Ismail
Perbadanan Bukit Bendera
Tel : 04 – 828 8880
izatul@penanghill.gov.my



PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP, Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam, 11500 Pulau Pinang

No. Tel : +604-8288 880 (Hunting Line) No Faks : +604-8288 862

Laman Web : www.penanghill.gov.my

AGENSI YANG TERLIBAT DENGAN LATIHAN SIMULASI BENCANA

1. PEJABAT PEGAWAI DAERAH TIMUR LAUT
2. POLIS DIRAJA MALAYSIA
 - a) Ibu Pejabat Polis Kontijen, Pulau Pinang
 - b) Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut
 - c) Balai Polis Datuk Keramat
 - d) Balai Polis Bukit Bendera
 - e) Balai Polis Air Itam
3. JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
 - a) Ibu Pejabat Bomba Pulau Pinang, Batu Kawan
 - b) Unit Udara JBPM, Bertam
 - c) Ketua Zon 1
 - d) Balai Bomba Paya Terubong
 - e) Balai Bomba Bagan Jermal
 - f) Balai Bomba Jalan Perak
4. ANGKATAN PERTAHANAN AWAM MALAYSIA, PULAU PINANG
5. JABATAN KESIHATAN NEGERI PULAU PINANG
6. BOMBA SUKARELA BUKIT BENDERA
7. ST. JOHN AMBULANS MALAYSIA, PULAU PINANG
8. UNIT POLIS SIMPANAN PERSEKUTUAN (FRU) PULAU PINANG
9. PELATIH KOLEJ KEJURURAWATAN PULAU PINANG
10. MARKAS 2 DIVISIYEN INFANTRI MALAYSIA, PULAU PINANG
11. PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG
12. TENTERA UDARA DIRAJA MALAYSIA, PULAU PINANG
13. JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN, PULAU PINANG
13. PEJABAT KESELAMATAN KERAJAAN MALAYSIA, PULAU PINANG
14. ERT PERBADANAN BUKIT BENDERA & KAKITANGAN PBBPP
15. PERSATUAN PENDUDUK BUKIT BENDERA